

0572

U 8001 DEB

MAHATHIR - TEGAS

KUALA LUMPUR, 28 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI KETEGASAN DAN KETEGUHAN PENDIRIAN KERAJAAN DALAM MENGUATKUASA UNDANG-UNDANG TIDAK BERERTI BANGSA MALAYSIA ANKUH, TIDAK BERBUDI BAHASA DAN TIDAK BOLEH BERTOLAK ANSUR.

KATANYA APA JUA DASAR DAN TINDAKAN-TINDAKAN TEGAS SEPerti MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP ANCAMAN MUSUH NEGARA DAN PENJENAYAH YANG DAPAT MEROSAKKAN NEGARA DAN RAKYAT SEMATA-MATA UNTUK MENJAGA KESEJAHTERAAN DAN KEAMANAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PAMERAN +BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH+, TEMA HARI KEBANGSAAN TAHUN INI DI MUZIUM NEGARA YANG AKAN BERLANSUNG SELAMA SEBULAN.

+TIDAK SIAPA DAPAT MENAFIKAN BAHAWA BERBUDI BAHASA DAN BERSOPAN SANTUN LAMA DIAMALKAN OLEH RAKYAT NEGARA INI DAN TELAH MENJADI IDENTITI BANGSA KITA,+ KATA BELIAU.

TINDAKAN TEGAS YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN BERMaksud SUPAYA SESIAPA JUGA YANG TINGGAL DI NEGARA INI AKAN BERASA AMAN DAN SELAMAT, TEGASNYA. -- LAGI.

1820MST 04 08 86

0583

U 8010 DEB

MAHATHIR - TEGAS 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA HARI INI YEMA HARI KEBANGSAAN TAHUN INI +BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH+ DIPILIH BAGI MENZAHIRKAN SIKAP, HARAPAN, TINDAKAN DAN PEDOMAN CITA-CITA KERAJAAN UNTUK MENJADIKAN BANGSA DAN NEGARA INI DIHORMATI DAN DISEGANI OLEH NEGARA-NEGARA LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SELANJUTNYA MENEGASKAN BAHAWA SEMANGAT CINTA AKAN NUSA DAN BANGSA HENDAKLAH MENJADI TITIK TOLAK DAN MATLAMAT POKOK DALAM APA JUA TUGAS SERTA PERJUANGAN YANG HENDAK DITEGAKKAN DI NEGARA INI.

+TIDAK ADA SESIAPA PUN YANG AKAN MEMPERJUANG DAN MEMPERTAHAN NEGARA DAN BANGSA KITA MELAINKAN KITA SENDIRI,+ TEGASNYA.

+PARA PEMIMPIN MASYARAKAT, CERDIK PANDAI, PEGAWAI KERAJAAN DAN SESIAPA JUA YANG TERLIBAT DALAM USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA MESTI TEGAS DALAM PERKARA INI,+ TAMBAHNYA.

OLEH ITU PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP DASAR, PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN PROJEK DAN KEGIATAN MEREKA HENDAKLAH MEMPUNYAI MATLAMAT DAN DIGERAKKAN KE ARAH CINTA AKAN TANAH AIR DAN BANGSA. -- LAGI.

1839MST 04 08 86

MAHATHIR - TEGAS 3 KUALA LUMPUR

+INI TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA YANG TIDAK ADA TOLAK ANSUR DEMI MENJAGA KEDAULATAN, KETEGUHAN DAN KEMAKMURAN NEGARA DAN BANGSA KITA,+ TEGAS BELIAU LAGI.

BELIAU BERKATA HARI KEBANGSAAN DIRAYAKAN SETIAP TAHUN UNTUK MEMPERINGATI PENJAJAHAN NEGARA DAN BANGSA SELAMA 400 TAHUN DAN BETAPA MENCABARNYA USAHA MEMBEBASAKAN TANAH AIR.

JIKA DIRENUNGI SEJARAH KEMERDEKAAN: BARISAN PEJUANG YANG BERSATU DI BAWAH UMNO DAN AKHIRNYA PERIKATAN DENGAN MCA DAN MIC BUKANLAH TERDIRI DARIPADA CENDIKEWAN ATAU HARTAWAN TETAPI MEREKA BERJAYA KERANA BERSATU, YAKIN, IKHLAS DAN TEGAS DALAM PERJUANGAN SERTA DIPIMPIN OLEH ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB, TAMBAH BELIAU.

TANGGUNGJAWAB DAN PERJUANGAN RAKYAT PADA HARI INI PULA IALAH UNTUK MENERUSKAN PERJUANGAN MENCORAKKAN NEGARA MENGIKUT DASAR-DASAR YANG DITENTUKAN DAN MENGEKALKAN KEMERDEKAAN, SISTEM DEMOKRASI DAN KEMAKMURAN NEGARA INI DENGAN MEMBUAT PERSEDIAAN DAN PENGORBANAN, KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA RAKYAT SEHARUSNYA BERSIKAP LEBIH BERANI, TEGAS BERTA TEGUH PENDIRIAN DALAM MENGHADAPI MUSUH NEGARA YANG SENTIASA BERUSAHA MEWUJUDKAN KETEGANGAN DAN HURU-HARA DENGAN MENABURKAN FITNAH DALAM ISU-ISU YANG BOLEH MENCETUSKAN SENTIMEN DAN EMOSI RAKYAT

YANG TURUT MENGHADIRI UPACARA ITU IALAH MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID SELAKU PENERUSI JAWATANKUASA PUSAT SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN, MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DATUK SERI HAJI MOHD NAJIB TUN RAZAK SERTA WAKIL-WAKIL KEDUTAAN ASING DI NEGARA INI. ---  
BERNAMA

1919MST 28 08 86